

12 APR 2003

Koleksi-Mahathir (Bergambar)

KOLEKSI MINDA DR MAHATHIR, HADIAH INSTITUT TERJEMAHAN NEGARA UTK PM

Oleh: Nor Hayati Muda

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Sekiranya perancangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara menjadi kenyataan pada Oktober nanti, masyarakat selepas itu mungkin akan merindui pemikiran-pemikiran kritis yang lantang diutarakan oleh beliau setiap kali berdiri di hadapan khalayak.

Cetusan idea beliau yang tidak terfikir oleh kebanyakan pemedato mengalir seumpama aliran deras sebuah sungai, melanggar setiap halangan yang merintanginya lalunya seringkali memukau pendengar.

Ada kalanya ucapan itu membangkitkan semangat juang yang berkobar, adakalanya ia melahirkan rasa malu dalam diri dan ada kalanya ia mencuit hati dengan jenaka yang sebenarnya membawa maksud yang dalam.

Hakikat itu diakui oleh Pengerusi Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd (ITNMB) Datuk Abdul Aziz Rahman yang berpendapat pemikiran rakyat Malaysia turut berubah semenjak Dr Mahathir memegang tampuk pemerintahan negara.

"Kita tidak mahu pemikiran beliau dilupakan dan kerana itulah kita mengambil inisiatif untuk menterjemahkan ucapan-ucapan beliau dalam tahun-tahun 1990an dan dijadikan koleksi, sebagai panduan kepada masyarakat khususnya generasi muda akan datang," katanya dalam satu temubual eksklusif dengan Bernama di sini.

Abdul Aziz berkata turut membanggakan adalah hakikat petikan-petikan ucapan Dr Mahathir turut termuat dalam indeks buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit antarabangsa.

"Ini membuktikan pemikiran beliau diterima oleh golongan intelektual luar negara," katanya.

Menyentuh mengenai koleksi berkenaan, Abdul Aziz berkata ia terdiri daripada 14 buah buku yang mengandungi ucapan-ucapan Perdana Menteri dan juga cetusan pemikiran beliau yang ditulis oleh penulis-penulis lain.

"Ucapan-ucapan ini dalam bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh penterjemah-penterjemah kita dan kemudian dibukukan mengikut topik-topik yang beliau sentuh dalam ucapan beliau seperti politik, ekonomi dan juga agama," katanya.

Selain itu, katanya ITNMB juga dalam proses perundingan dengan misi-misi asing di negara ini untuk membolehkan koleksi itu diterjemahkan dalam bahasa-bahasa seperti Perancis, Jepun, Jerman dan Mandarin.

"Ini kita jangka akan dapat dimulakan akhir tahun ini ataupun awal tahun depan. Kalau mereka (misi asing) tidak mahu bekerjasama kita akan terjemahkan sendiri dengan pakar-pakar yang kita ada," katanya.

Mengenai pemasaran koleksi itu, Abdul Aziz berkata buat masa ini ITNMB telah mengadakan perbincangan dengan anggota-anggota Parlimen dan juga senator untuk mengedarkan koleksi berkenaan di kawasan masing-masing.

"Mereka boleh beli koleksi ini dan letakkan di tempat-tempat masyarakat berkumpul di kawasan masing-masing supaya masyarakat setempat khususnya generasi muda dapat membacanya," kata beliau.

Selain itu, usaha juga sedang dibuat untuk mengedarkan koleksi tersebut di institusi pendidikan tinggi awam, katanya.

"Ini akan menjadi salah satu peninggalan Dr Mahathir yang berharga dan kita tidak mahu generasi muda kita lupa mengenai jasa seorang pemimpin yang begitu banyak membawa perubahan kepada negara kita," katanya.

Selepas pelancaran koleksi, Abdul Aziz berkata ITNMB akan memulakan projek kedua iaitu mengumpulkan kesemua hasil tulisan Perdana Menteri

semasa beliau masih dikenali sebagai "Che Det" dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa.

"Yang ini kita sedang berunding dengan Arkib Negara untuk mencari dan mengumpulkan kesemua hasil tulisan beliau. Kita nak wujudkan satu sudut khusus yang memaparkan hasil karya Dr Mahathir," katanya.

Pelancaran koleksi yang dikenali "Buku Terjemahan Koleksi Minda Perdana Menteri" akan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, pada 13 Mei depan.

Ia akan turut dihadiri oleh Perdana Menteri sendiri.

Bagi yang berminat untuk menyertai majlis itu bolehlah mendapatkan keterangan lanjut daripada ITNM dengan menghubungi 03-55442018, 03-41497210 atau faks 03-55442223/03-41491535.

Koleksi berkenaan dijual pada harga RM379 untuk satu set. Hasil jualan buku itu akan disumbangkan ke dalam Tabung Terjemahan Negara.

-- BERNAMA

NM MFJ ROS